



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES PENDERAAN PEMBANTU RUMAH WARGA INDONESIA SEHINGGA MELIBATKAN KEMATIAN

Saya ingin melahirkan rasa dukacita dan simpati di atas pemergian pembantu rumah warga Indonesia yang meninggal dunia baru-baru ini disyaki didera oleh majikannya.

Sesungguhnya ia merupakan insiden yang amat serius dan perlu ditangani oleh semua pihak yang terlibat agar kejadian yang sama tidak akan berulang.

Kes penderaan pembantu rumah yang berlaku ini merupakan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan melanggar norma-norma manusia serta tidak beretika oleh pihak majikan.

Tindakan sewajarnya ke atas suspek yang terlibat dalam kes penderaan sehingga meragut nyawa pembantu rumah ini perlu diambil bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan.

Satu mesej yang jelas juga perlu dihantar kepada rakyat bahawa Kerajaan tidak akan bertoleransi dengan perlakuan yang tidak berkemanusiaan ini.

Malaysia adalah Negara yang berdaulat dan menghormati hak manusia. Perlembagaan Malaysia menjamin hak berasa selamat dan dilindungi pada setiap masa tidak kira mereka warga tempatan mahupun warga asing.

Kita sedia maklum bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk berasa selamat dan dilindungi pada setiap masa tidak kira mereka warga tempatan mahupun warga asing.

Saya menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus menjalankan pelbagai langkah untuk menyokong pembantu rumah yang rata-rata terdiri daripada wanita, antaranya:

- Talian KASIH 15999 yang beroperasi 24/7 untuk laporan kes-kes penganiayaan
- Menyediakan perlindungan kepada mangsa penganiayaan
- Memberikan perkhidmatan kaunseling terhadap pembantu rumah yang mengalami tekanan daripada majikan
- Memberi sokongan kepada keluarga supaya mendapat kemahiran 'coping' dalam menangani tekanan dalam keluarga yang boleh menjurus kepada perbuatan keganasan terhadap pembantu rumah

Saya menyeru pihak berwajib melakukan pemantauan berkala kepada syarikat/agensi pembantu rumah bagi memastikan tiada lagi penganiayaan yang berlaku.

Kami di Kementerian akan sentiasa bekerjasama dengan mana-mana agensi yang berkaitan dan saya berharap orang ramai turut membantu sekiranya menyaki atau mengenal pasti kes-kes seperti ini kawasan sekitar.

DATO' SRI ROHANI BT ABDUL KARIM

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA**

13 FEBRUARI 2018